

01/04/1997

Tapak Semarak dibangun jadi pusat pelancongan

KUALA LUMPUR, Isnin - Tapak program Perhimpunan Gerakan Setia Bersama Rakyat (Semarak) di beberapa negeri dalam proses dibangunkan semula dengan menjurus kepada kegiatan rekreasi dan pelancongan.

Ahad lalu, Berita Minggu melaporkan kebanyakan tapak program Semarak anjuran Kementerian Penerangan yang disediakan sembilan tahun lalu, didapati terbiar.

Program itu bertujuan memupuk kesetiaan serta merapatkan hubungan rakyat dan kerajaan.

Di ALOR STAR, RM1.8 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) bagi membiayai pembangunan semula kawasan Peranginan Sik di daerah Sik yang dijadikan tapak pelancaran perhimpunan Semarak peringkat Kedah pada 1988.

Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Othman Embun, berkata pembangunan itu membabitkan keseluruhan kawasan peranginan termasuk membaiki semula pentas Semarak dan rumah yang menjadi tempat persinggahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan perhimpunan itu.

Projek lain yang akan dilaksanakan ialah pembinaan kira-kira 20 chalet tambahan, tempat perkhemahan, laluan berjalan kaki dalam hutan dan laluan gelungsur air ke kolam.

Menurutnya, sekitarnya akan dijadikan dusun dan ternakan rusa komersil yang akan diserahkan kepada pihak swasta.

"Projek itu dijangka menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara mengunjungi pusat peranginan yang dibangunkan selepas sambutan Semarak pada 1988," katanya.

Beliau berkata, pentas Semarak akan dijadikan pentas serbaguna bagi pelbagai kegiatan termasuk berkaitan kebudayaan.

Beberapa alat permainan kanak-kanak seperti buaian dan tandas di sekitar pusat peranginan itu didapati rosak.

Di sesetengah negeri, tapak Semarak, yang ketika dibina dahulu membabitkan peruntukan besar daripada kerajaan, bukan saja tidak digunakan malah ditumbuhi lalang.

Berita Minggu melaporkan kecuali beberapa tapak Semarak yang dimanfaatkan dengan projek pembangunan, tapak di kebanyakan negeri yang pernah menjadi tempat perhimpunan raksasa rakyat tidak lagi dipedulikan.

Di KANGAR, setakat ini tiada sebarang projek akan dilaksanakan di bekas tapak Semarak Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis, dekat sini.

Pengarah Jabatan Penerangan Negeri, Ahmad Iqbal Zainal Azim, berkata tiada sebarang rancangan untuk memajukan kawasan itu selepas digunakan untuk program Semarak.

Katanya, kawasan itu hanya dipilih untuk program yang bertujuan menyampaikan maklumat mengenai dasar kerajaan ketika itu. Sebelum ini, tapak berkenaan digunakan penduduk kampung untuk membina khemah kenduri serta meletakkan kenderaan.

Di GEORGETOWN, Kerajaan Pulau Pinang memperuntukkan kira-kira RM1 juta bagi menaikkan taraf kawasan di sekitar tapak semarak di Empangan Mengkuang, Bukit Mertajam dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti, Daud Taha, berkata penjagaan rapi dengan kerjasama erat di peringkat kerajaan, swasta dan persatuan belia mewujudkan suasana yang sesuai untuk pelbagai kegiatan di tapak berkenaan.

(END)

